

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SRI WILLIAM MAWAN
IKOM [SARATOK]
TARIKH : 24 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Tan Sri Dato' Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan suatu undang-undang bagi mengawal pendermaan organ dan tisu daripada penderma yang masih hidup. Ini kerana Akta Tisu Manusia 1974 hanya mengawal pendermaan organ daripada penderma yang telah meninggal dunia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Tisu Manusia 1974 hanya mengawal pendermaan organ daripada penderma yang telah meninggal dunia sahaja. Justeru itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bercadang untuk mewujudkan suatu akta yang lebih menyeluruh berbanding akta sedia ada bagi mengawalselia aktiviti transplan organ di negara ini. Akta Transplantasi Organ dan Tisu ini akan mengawalselia pelbagai perkara berkaitan amalan transplan di Malaysia termasuk pendermaan organ daripada penderma yang masih hidup dan juga daripada penderma yang telah meninggal dunia. Rang

undang-undang tersebut sedang giat disediakan di peringkat KKM dan dijangka deraf akhir akan siap pada tahun 2017 selepas mengambilkira input daripada Jabatan Peguam Negara. Penguatkuasaan akta ini amat penting bagi memastikan amalan transplantasi yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan etika dan standard yang tertinggi setara dengan negara-negara maju yang lain.

Buat masa ini, pemindahan organ melibatkan penderma hidup diselia berdasarkan *Unrelated Living Organ Donation; Policy and Procedures* di mana kesemua kes pendermaan yang tiada kaitan kekeluargaan atau melibatkan warganegara asing akan dinilai oleh jawatankuasa yang dilantik oleh pihak kementerian. Pemindahan yang melibatkan penderma hidup hanya dibenarkan dalam keadaan di mana tiada penderma kadaverik dan tiada penderma dari kalangan ahli keluarga yang bersesuaian.